

**Medium : Kosmo!**

**Date : September 6, 2013**

## Industri gudang, logistik berkembang sehingga 15 peratus

**KUALA LUMPUR** - Industri pergudangan suhu terkawal dan logistik dijangka berkembang antara 10 hingga 15 peratus tahun ini, didorong oleh peningkatan kesedaran terhadap kesihatan, gaya hidup dan permintaan lebih tinggi bagi produk serta makanan yang lebih berkualiti.

Naib Presiden IGLO (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Haisan Re-

sources Bhd., Lee Bee Ling berkata, dengan permintaan yang semakin meningkat untuk produk-produk berkualiti dan perkhidmatan penghantaran yang lebih cekap oleh kedua-dua pengguna serta peruncit, industri ini dijangka akan menjalani perubahan besar.

"Ia termasuklah integrasi bagi teknologi dan inovasi, terutama

dalam bidang ICT, pengurusan gudang dan penyelesaian logistik, serta lain-lain nilai perkhidmatan nilai tambah.

"Selain itu, prospek bagi industri untuk terus berkembang pada tahun-tahun akan datang juga kekal cerah sekaligus meningkatkan keperluan bagi peserta industri untuk terus mengikuti trend inovasi terkini dan

teknologi canggih dalam meningkatkan perniagaan mereka," ujarnya dalam satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Rangkaian sektor logistik bersuhu sejuk pihak ketiga di Malaysia kini menjana lebih daripada RM1 bilion setahun.

Industri-industri yang menggunakan perkhidmatan sektor itu termasuklah restoran rang-

kaian makanan segera, pengeluaran ais krim, produk tenusu dan hasil laut serta pemproses daging, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Selain itu, pasar raya besar, sektor tembakau dan pengeluar peralatan elektronik juga termasuk dalam segmen pengguna jangka panjang industri tersebut.